

Nama :

Kelas : 4

STANDARD KANDUNGAN : 2.3 MEMBACA DAN MENGAPRESIASI KARYA SASTERA DAN BUKAN SASTERA

STANDARD PEMBELAJARAN : 2.3.1 MEMBACA DAN MENGANALISIS KANDUNGAN TEKS KARYA SASTERA, DAN KARYA BUKAN SASTERA

Arahan : Baca petikan sajak di bawah dan jawab soalan pemahaman yang diberikan.

SAJAK

Berhati-hati, Adik

Berhati-hati, adik
jika berlari turuni tangga
badan cedera terjatuh nanti
cedera pada kulit adik
sakit pada hati ibu.

Berhati-hati, adik
jangan berteduh di bawah pokok
waktu hujan
kemungkinan akan disambar petir
berlakunya kemalangan
yang tidak dlingini.

Berhati-hati, adik
jangan main benda yang tajam
seperti pisau dan gunting
keselamatan diri harus diutamakan
kerana nyawa itu berharga.

Pesanan buat adik-adik
ikhlas daripada hati
berhati-hati menjalani kehidupan
hidup sejahtera selamat selalu.



SOALAN PEMAHAMAN ARAS MENINGAT (10%)

Arahan : Lengkapkan ayat berikut berdasarkan sajak "Berhati-hati Adik".

Penyajak menasihati adik supaya berhati-hati ketika
----- tangga.



"Berhati-hati, adik,
jangan main benda yang tajam seperti ----- dan -----."



SOALAN PEMAHAMAN ARAS MEMAHAMI (10%)

Arahan : Padankan nasihat dalam sajak dengan situasi yang sesuai.

Jangan berteduh di bawah
pokok ketika hujan.

Jangan main
benda tajam.

Berhati-hati ketika
menuruni tangga.

Risiko terpotong
atau terluka.

Risiko terjatuh dan
cedera.

Risiko disambar
petir.

SOALAN PEMAHAMAN ARAS MENGAPLIKASI (10%)

Arahan : Pilih dan bulatkan satu jawapan yang paling sesuai.

1. Jika anda melihat rakan bermain dengan pisau, apakah tindakan yang paling sesuai berdasarkan nasihat dalam sajak?

- A. Biarkan sahaja.
- B. Laporkan kepada orang dewasa.
- C. Menyertai rakan bermain dengan pisau.
- D. Mengambil dan menyorokkan pisau tersebut.

2. Apakah tindakan yang paling sesuai jika anda melihat rakan cuba berteduh di bawah pokok ketika hujan?

- A. Biarkan sahaja.
- B. Memberi payung kepada rakan.
- C. Menemani mereka berteduh di bawah pokok itu.
- D. Menasihati rakan berteduh di tempat yang lebih selamat.

SOALAN PEMAHAMAN ARAS MENGANALISIS (10%)

Arahan : Lengkapkan jadual berikut berdasarkan nasihat dalam sajak "Berhati-hati Adik".

NASIHAT	SEBAB	AKIBAT
Jangan berteduh di bawah pokok semasa hujan	Pokok adalah konduktor elektrik	Risiko disambar petir
Berhati-hati ketika menuruni tangga		Risiko terjatuh dan cedera
Jangan main benda tajam	Benda tajam seperti pisau dan gunting berbahaya	

SOALAN PEMAHAMAN ARAS MENILAI (10%)

Arahan : Jawab soalan di bawah.

1. Mengapakah kita perlu menjaga keselamatan di rumah dalam kehidupan seharian?

--

2. Adakah anda bersetuju dengan nasihat "nyawa itu berharga" dalam sajak ini? Berikan alasan anda.

--

SOALAN PEMAHAMAN ARAS MENCIPTA (10%)

Arahan : Bina satu rangkap sajak baru yang mengandungi nasihat tentang keselamatan di rumah.





PENILAIAN KEMAHIRAN MEMBACA (40%)

AKTIVITI PENTAS CILIK

Arahan : -

Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil.

Mereka bekerjasama melakonkan situasi berdasarkan nasihat dalam sajak.

Mereka dalam kumpulan bergilir-gilir membaca rangkap sajak yang berkaitan semasa lakonan.

ASPEK PENILAIAN KEMAHIRAN MEMBACA MURID	
ASPEK	SKOR (%)
SEBUTAN	/ 10
INTONASI	/ 10
NADA	/ 10
KEFASIHAN	/ 10

PANDUAN PENSKORAN

SOALAN PEMAHAMAN (60%)			
ARAS TAKSONOMI	BILANGAN SOALAN	SKOR PER SOALAN	JUMLAH SKOR
MENGINGAT	2	5	10
MEMAHAMI	1	10	10
MENGAPLIKASI	2	5	10
MENGANALISIS	1	10	10
MENILAI	2	5	10
MENCIPTA	1	10	10

AKTIVITI PENILAIAN KEMAHIRAN MEMBACA (40%)		
ASPEK	KRITERIA PENILAIAN	JUMLAH SKOR
SEBUTAN	- Sebutan yang jelas dan tepat. - Tiada kesilapan sebutan perkataan.	10
INTONASI	- Intonasi yang sesuai dengan emosi dan maksud ayat. - Intonasi membantu menyampaikan mesej dengan berkesan.	10
NADA	- Nada suara yang sesuai dengan situasi dalam sajak. - Nada menunjukkan emosi yang betul	10
KEFASIHAN	- Membaca dengan lancar tanpa tergagap-gagap atau berhenti terlalu lama. - Tiada pengulangan perkataan atau ayat yang tidak perlu.	10

RUBRIK PENILAIAN

SOALAN PEMAHAMAN (60%)		
JUMLAH SKOR (%)	GRED	PENERANGAN
50 - 60	CEMERLANG	Jawapan sangat tepat, lengkap, dan kreatif
40 - 49	BAIK	Jawapan tepat dan lengkap tetapi kurang kreatif
30 - 49	SEDERHANA	Jawapan kurang tepat dan lengkap, ada beberapa kesilapan
20 - 29	LEMAH	Jawapan tidak tepat dan tidak lengkap, banyak kesilapan
0 - 19	SANGAT LEMAH	Jawapan tidak relevan dan tiada usaha yang jelas

KEMAHIRAN MEMBACA (40%)		
JUMLAH SKOR (%)	GRED	PENERANGAN
36 - 40	CEMERLANG	Murid menunjukkan kemahiran membaca yang luar biasa dalam semua aspek. Sebutan sangat jelas, intonasi dan nada sangat sesuai dengan mesej sajak, dan bacaan sangat lancar tanpa sebarang gangguan. Murid mampu menyampaikan mesej dengan berkesan dan menunjukkan pemahaman mendalam terhadap teks.
30 - 35	BAIK	Murid menunjukkan kemahiran membaca yang baik tetapi masih ada sedikit kelemahan. Sebutan jelas, intonasi dan nada sesuai, tetapi mungkin kurang konsisten. Bacaan lancar dengan sedikit gangguan. Murid mampu menyampaikan mesej dengan baik tetapi kurang mendalam.
20 - 29	SEDERHANA	Murid menunjukkan kemahiran membaca yang memuaskan tetapi ada beberapa kelemahan. Sebutan kurang jelas, intonasi dan nada mungkin tidak selalu sesuai, dan bacaan kurang lancar dengan beberapa gangguan. Murid mampu menyampaikan mesej tetapi memerlukan lebih banyak latihan untuk meningkatkan keyakinan.
10 - 19	LEMAH	Murid menunjukkan kemahiran membaca yang kurang memuaskan dan memerlukan bimbingan. Sebutan tidak jelas, intonasi dan nada tidak sesuai, dan bacaan tidak lancar dengan banyak gangguan. Murid menghadapi kesukaran untuk menyampaikan mesej dengan berkesan.
0 - 9	SANGAT LEMAH	Murid menunjukkan kemahiran membaca yang sangat lemah dan memerlukan bimbingan intensif. Sebutan tidak jelas, intonasi dan nada sangat tidak sesuai, dan bacaan sangat tidak lancar dengan banyak gangguan.